

## **Pola ruang keliaran pelancongan kembara di Kota Kinabalu, Sabah**

### **ABSTRAK**

Kota Kinabalu merupakan salah satu destinasi pelancongan yang terkenal di negeri Sabah. Bandaraya ini turut menjadi destinasi permulaan bagi kebanyakan ruang keliaran pelancongan di negeri ini. Oleh itu, kajian ini adalah berkaitan pola ruang keliaran pelancongan kembara di Kota Kinabalu. Terdapat tiga objektif yang ditetapkan dalam kajian ini iaitu (i) mengenal pasti perancangan perjalanan kembara responden, (ii) meneliti pola ruang keliaran pelancongan kembara di Kota Kinabalu dan (iii) meneliti pola ruang keliaran pelancongan kembara di luar Kota Kinabalu. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah pendekatan tinjauan dengan mengaplikasikan kaedah kuantitatif sebagai kaedah penyelidikan. Seramai 228 orang responden yang merupakan pelancong kembara di Kota Kinabalu telah menjawab soal selidik dalam kajian ini. Analisis data yang digunakan adalah dengan menggunakan perisian GIS. Dapatkan kajian mendapati bahawa ruang keliaran pelancong kembara di Kota Kinabalu adalah terhad dan banyak dipengaruhi oleh destinasi popular yang dikunjungi oleh pelancong massa yang datang ke daerah ini. Secara ringkasnya, pelancongan kembara mempunyai potensi yang tinggi untuk berkembang dan menjadi salah satu jenis pelancongan yang menjadi identiti bagi sektor pelancongan di Kota Kinabalu. Oleh itu, kerajaan dan pihak berkaitan haruslah meningkatkan usaha untuk mempromosikan pelancongan kembara di Kota Kinabalu ke peringkat antarabangsa.